

PEMERIKSAAN TAHUNAN IGTU BAGI PU BUTTERWORTH TAHUN 2018

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3132-pemeriksaan-tahunan-igtu-bagi-pu-butterworth-tahun-2018

BUTTERWORTH, 26 Feb 18 – Pemeriksaan Tahunan IGTU bagi Pangkalan Udara Butterworth telah berlangsung pada 26 Feb hingga 2 Mac, dihadiri oleh Inspektor Jeneral Tentera Udara, YBhg Mej Jen Dato' Johar Razali Bin Hj Ahmad TUDM. Dalam rangka lawatan beliau telah dibawa melawat dan melaksanakan pemeriksaan di Skuadron-skuadron, unit dan cawang.

Pemangku Komander PU Butterworth, YBhg Kol Amer Mahmud bin Abdul Rahman TUDM dan Eksekutif Pangkalan telah menyambut ketibaan dan mengiringi lawatan YBhg Mej Jen Dato' Johar Razali Bin Hj Ahmad TUDM tersebut dan menandatangani Buku Pelawat di Bilik Mesyuarat Pangkalan. Pemeriksaan yang berlangsung menekankan aspek Safety, Readiness dan Management. Aturcara pemeriksaan juga merangkumi Program Memperkasakan Budaya Keselamatan, dimana ceramah telah diberi oleh anggota IGTU kepada warga pangkalan dengan dihadiri oleh Pemangku Komander Pangkalan.

